

5

KAMAR HAKIM BESAR,  
MALAYA  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

---

Bil: (28) dlm. JK(02)48/2

Tarikh: 25 Februari, 1987.

Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Yang Dipertua,  
Mahkamah Sesyen,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

SURAT PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA  
NO. 1 TAHUN 1987.

Per: Pembicaraan Jenayah Terhadap Pegawai Kerajaan/Badan  
Berkanun

---

Berhubung dengan perkara tersebut di atas bersama-sama ini saya perturunkan peruntukan Perintah Am 27(1) dalam Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' 1980 seperti berikut:-

27.(1) Jika pembicaraan jenayah dibawa terhadap seseorang pegawai, Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah di mana pembicaraan tersebut dibawa hendaklah menghantar kepada Ketua Jabatan satu laporan mengandungi maklumat yang berikut:-

- (a) pada permulaan pembicaraan tersebut, maklumat yang berikut:-
  - (i) pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan terhadap pegawai itu;
  - (ii) jika ditangkap, tarikh dan waktu pegawai itu ditangkap;
  - (iii) sama ada pegawai itu dalam jaminan atau tidak; dan
  - (iv) apa-apa maklumat lain yang berkaitan; dan
- (b) pada akhir pembicaraan tersebut, keputusan mahkamah.

-2-

Mahkamah adalah dikehendaki mematuhi peruntukan tersebut apabila sahaja pembicaraan jenayah melibatkan orang pegawai awam dan memberitahu Ketua Jabatan pegawai berkenaan.

Sebagai contoh dan sekiranya mahkamah tuan/puan tiada borang untuk digunakan borang dilampirkan bersama-sama ini bolehlah diikuti sebagai panduan.

(TAN SRI DATO' ABDUL HAMID BIN HJ. OMAR)  
Hakim Besar Malaya.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya.

Y.P. Peguam Negara Malaysia.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

Ketua Pendaftar, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

Majlis Peguam Malaysia.